



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 9. BILANGAN 16.

RABU 19 OGOS, 1964. رابو 10 ربيع الاخر 1384

PERCHUMA

ISTIADAT PERINGATAN AHLI2

Darjah Dan Pingat Jasa Utama Di-Istana Darul Hana

BANDAR BRUNEI. — Satu Istiadat peringatan ahli2 Darjah dan Pingat jasa utama kurnia dari Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah di-adakan di-Balai Singgahsana, Istana Darul Hana pada pagi 12 Ogos, 1964.

BANGUNAN BAHARU JABATAN UGAMA

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Y.A. Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun akan meletakkan Batu Asas, bangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei dalam satu istiadat yang bersejarah di-Bandar Brunei pada pagi hari Khamis 20 Ogos, 1964.

Bangunan tersebut akan di-bena di-Jalan Elizabeth II, berhampiran dengan Masjid Omar Ali Saifuddin dengan perbelanjaan kira2 \$1,200,000 dan akan siap di-bena kira2 10 bulan lagi.

Istiadat itu akan di-mulai pada pukul 10 pagi. Sa-belum Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal di-jemput menyempurnakan istiadat meletakkan Batu Asas bangunan tersebut, ucapan2 akan di-lafadzkan oleh Pengetua, Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin; Pemangku Pesuruh Jaya Kemajuan Negara, Brunei, Awang John Lee dan Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal.

Istiadat tersebut akan di-akhiri dengan bacaan Do'a Selamat oleh Mufti Kerajaan Brunei, Sahibul Fadhlilah Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Dalam titah ucapan Baginda di-istiadat itu, Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan menyatakan bahawa istiadat tersebut ada-lah julong2 kali-nya di-adakan sejak Bintang Kebesaran Mulai di-kurniakan pada tahun 1954.

Istiadat itu, titah Baginda, ada-lah semata2 untuk memperingati atas jasa bakti yang tabah dari ahli2 Darjah dan Pingat pada melaksanakan keamanan dan kemakmoran negeri.

Titah Baginda, sesungguhnya-nya jasa2 yang membuktikan hasrat ikhlas tidak ada nilai yang boleh menandingi, hanya Tohan jua yang dapat membalas-nya.

Dalam titah ucapan itu, Baginda juga menyatakan bahawa pengurniaan pingat2 itu ada-lah juga sabagai tanda bagi warith2 keturunan Baginda supaya dapat memperingati jasa2 yang telah di-berikan kepada Baginda dan Kerajaan pada waktu2 yang lalu.

Istiadat itu juga, titah Baginda, ada-lah bagi merapatkan lagi perhubungan persahabatan dan kenal mengenal antara satu sama lain di-kalangan ahli2 darjah dan pingat.

Antara yang hadir dalam istiadat itu ia-lah Duli Yang Ma-



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri kelihatan dalam gambar ini pada masa di-adakan bacaan Do'a Selamat di-istiadat peringatan ahli2 Darjah dan Pingat jasa utama kurnia dari Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Istana Darul Hana pada 12 Ogos, 1964.

ha Mulia Raja Isteri, Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei; Pegawai2 Kanan Kerajaan, Pesuruhjaya Tinggi Ingeris di-Brunei, Ahli2 Majlis2 Meshuarat Diraja, Kerajaan dan Negeri.

D.Y.M.M. BERCHEMAR DULI KA-DAERAH TEMBURONG

BANGAR. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah bertitah bahawa segala usaha untuk kemajuan Negeri Brunei pada masa2 yang akan datang bukan-lah hanya dapat di-laksanakan oleh kerajaan tetapi yang penting ia-lah kerjasama dari seluroh lapisan ra'ayat.

Titah baginda, kerjasama dari ra'ayat mesti-lah terdapat melichinkan usaha2 yang benar2 berfaedah untuk mengenalkan Negeri Brunei ka-negara2 yang besar di-dunia ini.

Baginda bertitah demikian dalam majlis keshukoran atas selamat-nya baginda berangkat pulang ka-tanah ayer sa-telah mengelilingi dunia yang di-adakan oleh penduduk2 Daerah Temburong dan di-langsungkan di-dewan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar pada pagi 9 Ogos.

Baginda bertitah lagi, bahawa ada-lah menjadi chita2 kerajaan untuk melaksanakan segala usaha bagi kemakmoran dan perhatian ada-lah tertumpu pada kesenangan ra'ayat negeri ini.

Mengenai lawatan baginda mengelilingi dunia baharu2 ini baginda menyatakan bahawa pengkajian sedang pun di-jalankan untuk di-hadapkan kepada kerajaan dari hasil2 lawatan baginda itu yang mana di-fikirkan sesuai bagi negeri ini.

Sebelum itu, Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan, telah mengalu2kan atas kesudian ba-

ginda berchemar duli ka-daerah tersebut untuk menunaikan hasrat dari penduduk2 di-Daerah Temburong bagi mengadakan majlis keshukoran itu.

Sementara itu, Yang Berhormat Awang Langkah anak Rantap sebagai wakil penduduk2 Daerah Temburong dalam ucapan-nya antara lain telah menyampaikan taat setia penduduk2 daerah itu kepada baginda dan kerajaan.

Antara yang hadir dalam majlis itu ia-lah Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Chateria2, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Ingeris di-Brunei, Ketua2 Pejabat, penghulu2 dan ketua2 kaum.

Di-majlis itu juga, penduduk2 Daerah Temburong telah mengadakan pertunjukan Kajat, Kuntau dan Silat, Zapin dan mengamping.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan bertitah di-majlis keshukoran atas selamat-nya keberangkatan pulang Baginda ka-Tanah Ayer sa-lapas mengelilingi dunia yang telah di-adakan di-Pekan Bangar, Temburong pada 9 Ogos, 1964.

Pembukaan Rasmi Sekolah Melayu Senukoh

KAMPONG SENUKOH. — Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Puasa bin Tudin, bagi pehak Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan telah merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Senukoh di-Daerah Temburong pada pagi 8 Ogos, 1964.

Beliau telah menguchapkan tahniah kepada penduduk2 Kampong Senukoh yang telah bekerja sama sa-chara bergotong royong membina bangunan sementara Sekolah Melayu Senukoh untuk faedah kanak2 di-kampong tersebut.

Di-samping itu, beliau juga telah menguchapkan berbanyak2 terima kasih kepada pehak Kerajaan, terutama sekali

kepada Jabatan Pelajaran yang telah dapat mengadakan sa-buah lagi Sekolah Melayu di-Daerah Temburong.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis tersebut oleh Pengelola Pelajaran Melayu Negeri Brunei, Awang Noordin bin Abdul Latiff bagi pehak Pegawai Pelajaran Negara Brunei; Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Temburong, Ampuan Yusof; Guru Besar Sekolah Melayu Senukoh, Awang Damit Tusan dan oleh Wakil penduduk2 Kampong Senukoh, Awang Matyassin bin Matyusof.

Majlis pembukaan rasmi Sekolah Melayu Senukoh telah di-akhiri dengan bacaan Do'a Selamat oleh Guru Ugama Sekolah Melayu Labu, Pengiran Shahbuddin bin Pengiran Omar.

Upacara sambutan pembukaan rasmi Sekolah Melayu Senukoh telah di-mulai pada malam 7 Ogos dengan mengadakan pertunjukan wayang gambar oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei; persembahan Malam Aneka Warna dan Mukun.

PANCHARAGAM P.G.G.M.B.

Pancharagam Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, di-bawah pimpinan Awang Mohamed Sum bin Hashim telah bermain di-temasha Malam Aneka Warna tersebut.

Di-antara penyanyi2 yang telah memperdengarkan suara mereka di-temasha tersebut ia-lah Awang Damit Tusan (Guru Besar Sekolah Melayu Senukoh), anak2 beliau dan penyanyi2 Pancharagam P.G.G.M.B.

Pada petang 8 Ogos pula telah di-adakan satu temasha sokan. Sambutan pembukaan Sekolah tersebut di-akhiri dengan persembahan Mukun pada malam 8 Ogos.



"SELAMAT DATANG KAMI UCHAPKAN — KAPADA IBU-BAPA, TUAN2 SEKALIAN. KERANA SUDI DATANG MERA'IKAN — PEMBUKAAN SEKOLAH YANG DI-ADAKAN." Demikian kata Guru Besar Sekolah Melayu Senukoh, Awang Damit Tusan dalam ucapan beliau di-majlis pembukaan rasmi Sekolah Melayu Senukoh baharu2 ini. Gambar di-penjuru atas kanan: Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Puasa bin Tudin kelihatan merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Senukoh. Sekolah itu telah di-bina pada 16 Jun, 1964 dan di-buka dengan rasmi-nya pada 8 Ogos, 1964. Gambar bawah: Gambar ini di-ambil sa-lepas di-adakan upacara tersebut. Dalam gambar ini kelihatan di-antara para hadirin di-majlis itu.

TEMASHA MALAM GEMBIRA ANJORAN P.P.B. DI-U.K.

BANDAR BRUNEI. — Anggota2 Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom yang pada masa ini berchuti di-Tanah Ayer akan mempersembahkan satu temasha Malam Gembira bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada malam 30 Ogos, 1964.

Di-antara achara2 yang akan di-adakan di-temasha tersebut ia-lah Peraduan2 Sharahan, Membacha Sajak, Menyanyi dan Tarian2.

Peraduan Sharahan itu terbuka kepada 4 Bahagian, ia-itu Bahagian Murid2 Sekolah, Murid2 yang bukan Melayu, Orang2 Dewasa Melayu dan Orang2 Dewasa Bukan Melayu.

Tajok2 Sharahan ada-lah seperti di-bawah ini :

(a) Orang Melayu dengan Bahasa Melayu.

(b) Sebab2 Bahasa Melayu di-jadikan Bahasa Rasmi di-Brunei dan

(c) Chara2 memperkembangkan Bahasa Melayu di-Brunei.

Peraduan Membacha Sajak terbuka kepada 2 Bahagian, ia-itu Bahagian2 Murid2 Sekolah dan Orang2 Dewasa.

Peraduan Menyanyi terbuka kepada 4 Bahagian, ia-itu Bahagian2 Murid2 Sekolah Melayu, Murid2 Bukan Melayu, Orang2 Dewasa Melayu dan Orang2 Dewasa Bukan Melayu.

Peraduan Tarian2 pula terbuka hanya kepada Sekolah2 Melayu, Inggeris dan China di-Bandar Brunei sahaja.

Para peserta yang hendak mengambil bahagian dalam peraduan2 tersebut di-minta mengembalikkan borang2 permohonan sa-belum 20 Ogos, kepada Setiausaha2 peraduan2 yang berkenaan seperti di-bawah ini :

Peraduan2 Sharahan dan Membacha Sajak: Setiausaha-nya ia-lah Awang Ahmad Hussain, d/a Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jermalul Alam, Bandar Brunei.

Peraduan Menyanyi: Setiausaha-nya ia-lah Awang Nohi bin Awang Damit, d/a Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Peraduan Tarian: Setiausaha-nya ia-lah Chegu Dayang Siti binti Yusof Khan, d/a Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei.

Sa-buah Jawatan Kuasa telah di-bentuk untuk melaksanakan rancangan tersebut.

Jawatan Kuasa itu mengandungi: Pengerusi — Awang Abdul Latiff Hamid. Penolong Pengerusi — Awang Abdul Rahim Latiff. Setia Usaha — Awang Hurairah bin Haji Mohamed Taha. Penolong S.U. Bakar bin Haji Ahmad. Beberapa orang lagi telah di-lantik menjadi anggota2 Jawatan Kuasa tersebut.

CHERAMAH MENGENAI IMIGRESEN

BERAKAS. — Pengawal Imigresen Negara, Brunei, Awang Ja'afar bin Haji Mohamed Daud berkata bahawa Pegawai2 di-Pejabat Imigresen dalam Negeri Brunei akan bersedia memberi sabarang pertolongan kepada orang ramai yang berkehendakan pertolongan itu pada sa-tiap masa.

Awang Ja'afar telah berkata sa-demikian ketika memberi cheramah di-Maktab Perguruan Melayu Brunei pada pagi 13 Ogos, 1964.

Dalam cheramah-nya itu, beliau telah memberi penerangan berkenaan dengan perkara2 yang bersangkutan paut dengan masalah2 Imigresen dan taraf masa' ayatan.

Pengetua Maktab Perguruan Melayu Brunei, Awang Othman bin Bidin telah memimpin majlis tersebut. Ramai pensharah2 dan penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei telah hadir di-majlis itu.

Sa-lepas cheramah-nya, beberapa orang penuntut dan sa-orang pensharah maktab tersebut telah mengemukakan so'alan2 dan semua-nya itu telah di-jawab oleh Awang Ja'afar.

15 ORANG BUKAN MELAYU DAPAT S.D.D.

BANDAR BRUNEI.—Satu majlis untuk menyampaikan Sijil2 Darjah Dewasa kepada 15 orang pelajar2 bukan Melayu yang telah lulus dalam Peperiksaan Tingkatan III dalam Tahun 1963 telah di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 1 Ogos.

Sijil2 itu telah di-sampaikan oleh

BAKAL JURURAWAT2 KA-U.K.

BERAKAS. — Tiga orang bekas penuntut2 Maktab Anthony Abell, Seria telah berlepas dari Brunei ka-England dengan kapal terbang baharu2 ini untuk mempelajari ilmu jururawat.

Mereka ia-lah Dayang Catherine Teo, Dayang Julia Wong Yap Ho dan Dayang Chung Kui Moi.

Yg. Mulia Datin Hajjah Salmah binti Mohamed Yusuf, ia-itu isteri kepada Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh Pengerusi Jawatan Kuasa Penyampaian Sijil Darjah Dewasa, Awang Abdul Wahid bin P.H.A. Abu Bakar; Wakil Pelajar Darjah Dewasa tersebut, Awang Cheong Teck Lee dan oleh Pengarah, Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Awang Haji Md. Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar.

Pelajar2 yang telah di-hadiahkan Sijil2 tersebut ia-itu 11 orang lelaki dan 4 orang wanita ia-lah :

Awang Ang Kwang Joo dari Pejabat Odit, Brunei. Awang Anthony Chin dari Pejabat Kerja Raya, Bru-

nei, Awang Cheong Teck Lee dan Awang Chin Yun Sang dari Pejabat Perubatan, Brunei. Awang Christopher Chin Nyuk Foon dari Pejabat Penjara, Brunei. Awang Douglas Cheok Hock Hoi dari Pejabat Pelajaran, Brunei. Awang Jacob Thane dari Pejabat Kenderaan, Brunei.

Awang Lim Kah Tiong dan Awang Low Joon Seng dari Pejabat Siaran Radio dan Penerangan, Brunei. Awang Leong Seong Cheong dan Awang Shim Chin Wee dari Pejabat Kewangan, Brunei.

Dayang Emily Chin Thin Ng dari Jabatan Imigresen, Brunei. Dayang Lorna Chin Mui Kuang dari Pejabat Kewangan, Brunei. Dayang Kueh Guat Hong dari Ibu Pejabat Polis, Brunei dan Dayang Shirley Yee Ai Foh dari Pejabat Pentadbir Kewangan, Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria.

peraduan Lukisan Sambutan Hari Jadi D. Y. M. M.

BANDAR BRUNEI. — Peraduan Lukisan dan Menggambar bagi perayaan Hari Ulang Tahun Keputeraan ka-bawah Duli Y. M. M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Brunei, pada tahun ini akan di-adakan pada 23 September 1964 di-Bandar Brunei. Barang siapa yang ingin mengambil bahagian, sila-lah menghantar Lukisan dan Gambar2 (photograph) kepada Jawatan Kuasa tersebut.

Peraduan tersebut di-bahagikan kepada:

1. BAHAGIAN ORANG DEWASA

(a) Pemandangan dalam Negeri Brunei

1. Pensil Ukoran kertas 15" x 18"
2. Chat ayer Ukoran kertas 15" x 18"
3. Chat minyak, Ukoran kertas 15" x 18"

(b) Orang Mashor ('Am)

1. Pensil Ukoran kertas 12" x 15"
2. Chat Minyak 12" x 15"

(c) Poster Mengenai Kemajuan Negeri Brunei

- Bebas (Pensil, Chat ayer, Chat minyak). Ukoran kertas 20" x 24"

(d) Lukisan Angkatan Baru (Modern Art)

- Bebas (Chat ayer, Chat Minyak). Ukoran kertas 15" x 18"

(e) Ukiran Patong2 (Sculpture) berbentuk binatang atau manusia.

Bebas (Daripada kayu, besi, tanah liat dan sabagai-nya).

(f) Menggubah Jambangan Bunga

Bebas (boleh menggunakan ranting2 mati dan di-champor dengan bunga2 hidup).

2. BAHAGIAN MURID2 SEKOLAH

(a) Pemandangan dalam Negeri Brunei.

1. Pensil Ukoran kertas 15" x 18"
2. Chat ayer Ukoran Kertas 15" x 18"
3. Chat minyak Ukoran Kertas 15" x 18"

(b) Orang Mashor ('Am)

1. Pensil Ukoran kertas 12" x 15"
2. Chat minyak Ukoran kertas 12" x 15"

(c) Buah2an dan Bunga2an

- Kapor warna Ukoran kertas 12" x 15"

(d) Poster Mengenai Kemajuan Bebas (Pensil, Chat ayer, Chat minyak). Ukoran kertas 20" x 24"

(e) Ukiran Patong (Sculpture) berbentuk binatang atau Orang

Bebas (Daripada kayu, besi, tanah liat, akar dan sabagai-nya).

3. PERADUAN MENGGAMBAR

(PHOTOGRAPH)

1. Gambar Pemandangan dalam Negeri Brunei Ukoran 10" x 12"
2. Gambar Orang2 Mashor Ukoran 10" x 12"
3. Gambar Benda2, Binatang atau Tumbuh2an Ukoran 10" x 12"

PERATURAN 'AM

1. Pelukis2 dan Penggambar2 hendaklah membubuhkan nama dan alamat dengan terang di-belakang lukisan dan gambar2.

2. Pelukis2 hanya di-benarkan menghantar saking lukisan bagi tiap2 satu bahagian kechuali bahagian menggambar. Penggambar2 boleh menghantar sa-berapa banyak keping gambar dalam tiap2 bahagian.

3. Lukisan2 dan gambar2 yang diterima mesti-lah hasil usaha Penduduk2 Negeri Brunei.

4. Lukisan2 yang telah di-pamerkan tidak akan di-terima untuk Peraduan.

5. Kertas2 Lukisan2 dan Gambar2 hendaklah di-lekatkan di-kertas puth yang tebal.

6. Semua Lukisan2 dan Gambar2 sakurang2-nya ada 3 keping dalam tiap2 bahagian baharu-lah di-pertandingkan.

7. Ahli2 Jawatankuasa Pameran ini dengan sa-berapa daya mereka akan menjaga keselamatan lukisan2 dan gambar2 yang berchermi2, tetapi chermi2 yang pechah tidak akan diganti.

8. Lukisan2 dan Gambar2 yang di-hantar dengan tidak mengikut syarat2 tidak akan di-pertandingkan.

9. Semua Lukisan2 dan Gambar2 hendaklah di-hantar tidak lewat pada 16.9.1964 ka-Maktab S.O.A.S. Bandar Brunei. Atau Setiausaha, Peraduan Lukisan dan Gambar d/a Maktab S.O.A.S., Bandar Brunei.

Pandu2 Puteri M.P.M. B. Melawat Temburong



Seramai 25 orang anggota2 Pasokan Pandu Puteri, Maktab Perguruan Melayu Brunei, di-bawah pimpinan Chegu Dayang Zawiyah Othman, telah melawat ka-Pekan Bangar, Biang dan ka-lain2 tempat di-Daerah Temburong pada 17 Julai yang lalu. Gambar atas: Sa-orang Pandu Puteri M.P.M.B. Dayang Rauiyah Mohiddin kelihatan memegang sa-ekor anak buaya di-Tambatan Kastam Labu. Gambar bawah: Gambar ini di-ambil di-Tugu Peringatan, Pekan Bangar pada masa rombongan tersebut melawat ka-Pekan Bangar. — Gambar dengan ehsan Awg. Ali Aduka.



SETIA USAHA WCOTP MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Setia Usaha Khas Pertubohan Guru2 Sa-Dunia (WCOTP) bagi Kawasan Asia, Awang William E. Ulrich akan melawat ka-Negeri Brunei selama tiga hari dalam bulan ini, di-bawah anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

Beliau di-jadual tiba di-Brunei dari Singapura dengan kapal terbang pada pukul 1.15 petang hari Khamis 20 Ogos.

Pada petang hari tersebut Awang William Ulrich akan di-bawa melawat ka-Sekolah2 Melayu di-Bandar Brunei, manakala pada sa-belah malam pula beliau akan di-ra'ikan di-satu majlis Jamuan Makan Kechil di-Rumah P.G.G.M.B., kemudian mengahd-hiri satu majlis Cheramah di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah.

Awang William Ulrich akan di-bawa melawat ka-kawasan Padang Minyak Seria dan ka-lain2 tempat pada hari Juma'at 21 Ogos.

Pada malam itu pula, beliau akan di-ra'ikan di-satu majlis Jamuan Makan Kechil oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dan menyaksikan persembahan tarian2 di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah.

Menurut jadual lawatan Setia Usaha Agong WCOTP bagi Kawasan Asia itu, beliau akan melawat ka-Masjid Omar Ali Saifuddin dan ka-Kampong Ayer pada pagi 22 Ogos.

Kemudian beliau akan mengadakan perjumpaan2 dengan Yang Berhormat Pegawai Pelajaran Negara; Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Sa-lepas itu, Awang William Ulrich akan melawat ka-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

Beliau akan di-ra'ikan di-satu Majlis Jamuan Makan oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei bertempat di-Hotel Brunei pada pukul 12.30 tengah hari 22 Ogos dan berangkat ka-Singapura dengan kapal terbang pada pukul 4 petang hari tersebut.

MALAM ANEKARIA P.M.K.T.

KERIAM. — Satu temasha Malam Aneka Ria di-bawah anjoran Persatuan Melayu Keriam dan di-kelolakan oleh pemuda-pemudi di-Kampong Keriam akan di-adakan di-Dewan persatuan tersebut pada malam 30 Ogos, 1964.

Temasha itu akan di-adakan sa-bagai menyambut Perlumbaan Berjalan Kaki Jarak Jauh yang akan di-adakan pada julong2 kali di-Daerah Tutong di-bawah anjoran Persatuan Melayu keriam pada pagi hari tersebut.

Di-antara achara2 yang di-adakan di-temasha tersebut ialah persembahan sa-buah Tablo berjodol, "Keruntohan", ia-itu sa-buah hasil karya M. S. Junaidi OKSN Mohd. Safar; Peraduan Ratu Kebaya, Persembahan nyanyian oleh Bintang2 Radio di-Daerah Tutong, Tarian2 Melayu Asli; Lawak Jena-ka; Panchak Silat; Dugaan Akal dan lain2-nya.

Peraduan Ratu Kebaya itu ada-lah terbuka khas kepada wanita2 yang tinggal di-Daerah Tutong sahaja.

Wanita2 di-Daerah Tutong berjumlah lebih dari 15 tahun yang suka hendak mengambil bahagian dalam Peraduan Ratu Kebaya itu, di-persilakan membuat perhubungan sabarapa segera dengan (a) Dayang Halus binti Mahadi, Kampong Keriam. Tutong; atau (b) Dayang Rafiah binti Mohd. Safar, Sekolah Melayu Keriam; atau (c) Dayang Ramlah binti Mohd. Yusof, Kampong Keriam. Tutong atau pun dengan Setia Usaha, Malam Aneka Ria tersebut, Awang Junaidi bin OKSN Mohd. Safar, d/a Radio Brunei, Bandar Brunei.

BALEK DARI ENGLAND

BERAKAS. — Dua orang Pegawai2 Perkhidmatan Pertadbiran Negeri Brunei, Awang Abdullah bin Haji Mohammed Ja'afar dan Awang Mohammed Salleh bin Hidup telah kembali ka-Brunei dari United Kingdom pada 8 Ogos, 1964 sa-lepas tamat mengahd-hiri satu kursus dalam bahagian Sosial Sain dan Pertad-

biran Awam di-Maktab Pertadbiran Awam, Torquay.

Sa-belum berangkat ka-United Kingdom sa-tahun dahulu, Awang Abdullah telah berkhidmat sa-bagai Penolong Pegawai Daerah Temburong, manakala Awang Mohammad Salleh pula telah menjadi Penolong Pegawai Daerah Tutong.

SHUR2 BAGI PERKEMBANGAN PERLEMBAGAAN BRUNEI YANG AKAN DI-KEMUKAKAN DI-PERSIDANGAN M.M.N.

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun telah memberi ucapan melalui Radio Brunei pada malam 8 Ogos, 1964 mengenai shur2 bagi perkembangan Perlembagaan Negeri Brunei yang akan di-kemukakan oleh Kerajaan kepada Persidangan Majlis Meshuarat Negeri Brunei pada hari Rabu 26 Ogos, 1964.

Ucapan Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal ada-lah di-siarkan dengan sa-penoh-nya saperti berikut:

"Para pendengar, dan seluroh ra'ayat Negeri Brunei, saya dengan sukachita-nya menghebahkan bagi pengetahuan seluroh ra'ayat Negeri Brunei, akan maksud dan niat2 Kerajaan mengenai perkembangan Perlembagaan Brunei.

Kerajaan Brunei mengshurkan supaya langkah2 berikut hendaklah di-lakukan bagi maksud mengadakan perkembangan Perlembagaan untuk Negeri dan ra'ayat2-nya.

A. MAJLIS MESHUARAT DAERAH:

Langkah pertama yang segera yang akan di-ambil, sebaik2 sahaja persediaan2 yang perlu dapat di-buat, ia-lah supaya Pilehan raya2 hendaklah di-adakan bagi mengadakan ahli2 untuk Majlis Meshuarat Daerah Brunei, Belait, Tutong dan Temburong.

Pilehanraya2 ini akan di-adakan mengikut bahagian2 yang ada kaitan-nya yang di-tentukan oleh Perintah Perlembagaan (Majlis Meshuarat Daerah dan Negeri), 1962 dan akan di-jalankan oleh Surohanjaya Pilehanraya yang di-tubuhkan di-bawah Perintah Perlembagaan (Surohanjaya Pilehanraya), 1961.

B. MAJLIS MESHUARAT NEGERI:

(1) Sebeberapa segera yang dapat di-lakukan dan sa-bagai satu langkah yang pertama terhadap mengadakan Kerajaan yang mempunyai perwakilan yang penoh, Pilehanraya2 yang berdasarkan kepada bilangan orang dewasa yang berhak mengundi akan di-adakan di-seluruh Negeri untuk memilih wakil2 yang akan bertugas sebagai wakil2 yang akan berkhidmat sa-bagai ahli2 yang di-pilih sechारा langsung bagi Majlis Meshuarat Negeri yang baharu di-tubuhkan selama tempoh 5 tahun.

Bagi maksud ini Negeri akan di-bahagikan menjadi 10 kawasan pemilihan, tiap2 satu mempunyai sa-orang ahli.

Pembahagian Kawasan Pemilihan ini akan di-laksanakan oleh sabuah Surohanjaya Kawasan Sempadan yang mengandungi sa-orang Pengerusi, dan dua orang Ahli.

Tugas Surohanjaya Sempadan Kawasan Pemilihan itu ia-lah untuk menentukan sempadan Kawasan2 Pemilihan bagi sepuluh kawasan pemilihan Majlis

Meshuarat Negeri mengikut satu chara yang menetapkan bahawa, seberapa yang dapat di-lakukan memandang kepada keadaan Negeri dari segi ilmu alam dan faktor2 perhubungan, dan setelah memikirkan tentang kesulitan yang besar bagi menjalankan Pilehanraya2 di-kawasan Luar Bandar dan kawasan2 yang jauh, bilangan pengundi di-taip2 satu kawasan pemilihan hendaklah mengandungi lebih kurang sama banyak bilangan-nya. Ada-lah di-harapkan supaya dapat di-isitihar-kan lantekan Pengerusi dan Ahli2



Y.A.B. DATO SERI PADUKA MARSAL

bagi Surohanjaya ini tidak beberapa lama lagi dan Surohanjaya itu kemudian-nya akan menjalankan tugas-nya yang mana di-jangka akan dapat di-selesaikan dengan segera.

(2) Majlis Meshuarat Negeri yang baharu di-bentok itu akan mengandungi 21 orang Ahli; di-antaranya 10 akan terdiri dari Ahli yang di-pilih; 6 Ahli Kerana Jawatan (ia-itu Mentri Besar, Timbalan Mentri Besar, Setia Usaha Kerajaan, Peguam Negara, Pegawai Kewangan Negara dan Penasehat Ugama) dan yang baki 5 Ahli itu akan terdiri dari orang2 yang akan di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Setakat mengenai Ahli2 yang di-lantek ini, pertimbangan akan di-beri oleh Duli Yang Maha Mulia terhadap kehendak mengadakan perwakilan oleh anggota2 yang tidak rasmi di-dalam Majlis Meshuarat Negeri mengenai perkara2 yang penting yang mana kalau tidak, tidak akan di-wakili.

Majlis Meshuarat Negeri yang baharu di-bentok itu akan di-pengerusi oleh sa-orang Speaker

yang akan merupakan sa-orang yang bebas yang di-lantek bagi jawatan ini oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

(3) Pilehanraya2 bagi Majlis Meshuarat Negeri yang baharu di-bentok itu akan di-jalankan oleh Surohanjaya Pilehanraya menurut dasar2 dan peratoran2 yang di-tentukan oleh Undang2 Pilehanraya, pindaan yang mana akan di-kehendaki untuk di-buat bagi memperkuatkuasakan perubahan2 yang di-perlukan oleh shur supaya pilehanraya2 ini berupa pilehanraya sechारा langsung.

(4) Surohanjaya Pilehanraya telah pun di-lantek dan akan memulakan kerja dengan segera.

Pilehanraya2 Majlis Meshuarat Daerah dan Negeri akan di-adakan apabila sahaja perse-diaan2 permulaan yang perlu bagi tiap2 satu perkara telah di-siapkan.

Jangkaan pada masa ini ia-lah bahawa Pilehanraya2 Majlis Meshuarat Daerah akan dapat di-adakan sebelum penghujung tahun ini dan bahawa Pilehanraya2 Majlis Meshuarat Negeri akan di-jalankan pada awal tahun 1965.

Satu lagi pengumuman yang selanjut-nya akan di-buat seberapa segera yang boleh mengikut keadaan kemajuan kerja Surohanjaya itu.

C. KUASA PEMERINTAHAN:

Selepas sahaja di-jalankan Pilehanraya2 Majlis Meshuarat Negeri maka sabuah Kerajaan yang berbentok Kementerian akan di-adakan dan sabilangan dari ahli2 yang di-pilih akan di-lantek ka-Majlis Meshuarat Kerajaan.

D. SHUR2 MASA HADAPAN:

Kejayaan mentadbirkan Kerajaan Negeri mengikut shur2 yang di-bayangkan di-bahagian2 B dan C di-atas akan, tidak beberapa lama dari itu, membawa selangkah lagi ka-arrah kemajuan Perlembagaan dalam mana Majlis Meshuarat Negeri akan selanjutnya di-bentok semula dengan chara menambahkan ahli2-nya yang di-pilih dari sepuluh menjadi dua puluh ahli yang di-pilih sechारा langsung, dengan mengurangkan bilangan ahli kerana jawatan ka-suatu bilangan yang

sahabis2 kecil yang di-fikirkan perlu untuk Kerajaan yang chekap dan dengan jalan menghapuskannya ahli2 yang di-lantek.

Selepas sahaja di-jalankan Pilehanraya2 bagi ahli2 tambahan yang di-pilih ini, maka Kerajaan Duli Yang Maha Mulia akan di-bentok semula mengikut satu chara agar tugas2 pemerintahan akan di-serahkan kepada Menteri2 yang di-pilih dari kalangan ahli2 yang di-pilih dan bertanggong-jawab bagi mentadbirkan hal ehwal Negeri.

Akan menjadi tanggong-jawab Menteri2 ini untuk membuat dan menjalankan dasar2 bagi memperoleh kebaikan masa hadapan Negeri dan ra'ayat-nya dan dalam menjalankan tanggong-jawab ini maka Menteri2 itu akan bertanggong-jawab kepada Majlis Meshuarat Negeri dan menerusi Majlis Meshuarat itu, bertanggong-jawab-lah kepada pengundi2.

Supaya maksud2 dan chita2 Kerajaan ini dapat berjalan dan di-kuat-kuasakan maka shur2 yang saya sebutkan itu akan di-kemukakan ka-Majlis Meshuarat Negeri yang akan bersidang pada 26 Ogos, 1964 bagi kelulusan".

Dapat Ijazah Perguruan Bahagian Arts

BERAKAS. — Awang Zaini bin Abdul Hamid telah balek ka-Brunei dari United Kingdom baharu2 ini setelah tamat menghadhiri satu kursus dalam Bahagian Ilmu Kesenian dan Tawarikh-nya di-Maktab Kesenian dan Pertukangan, Brighton, Sussex, England.

Beliau telah berjaya memperoleh Ijazah Perguruan dalam Bahagian Arts di-Maktab tersebut.

Sa-belum berangkat ka-United Kingdom sa-tahun dahulu, Awang Zaini telah berkhidmat sebagai sa-orang Penserarah di-Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Beliau telah menghadhiri satu kursus khas mengenai Ilmu Kesenian dan Pertukangan di-Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur dalam tahun 1961.

BERLATEH DI-MALAYA

BERAKAS. — Dua orang Juruteknik Muda Jabatan Talikom Negeri Brunei telah berlepas dari Brunei ka-Kuala Lumpur menghadhiri Kursus Memperbaiki Teleprinter di-Pusat Latehan Talikom, Kuala Lumpur selama tiga bulan baharu2 ini.

Juruteknik2 tersebut ia-lah Awangku Yuni bin Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed dan Awang Salleh bin Awang Ahmad. Sa-belum berangkat ka-Kuala Lumpur, Awangku Yuni telah bekerja di-Bandar Brunei dan Awang Salleh telah bekerja di-Kuala Belait.

PENERANGAN PENGARAH P.P.B. BERKENAAN SHUR2 BAGI PERKEMBANGAN PERLEMBAGAAN

BANDAR BRUNEI. — Oleh sebab pemerentahan sa-chara demokrasi yang di-kehendaki oleh Perlembagaan Negeri Brunei memerlukan pilihan raya sa-bagai jalan bagi ra'ayat mengambil bahagian dalam pemerentahan, maka persediaan2 bagi mengadakan pilihan raya itu ada-lah urusan pertama yang di-ikhtiarikan oleh Kerajaan Brunei pada masa ini. Demikian kata Pengarah Penyiaran dan Penerangan Brunei, Yang Berhormat Awang Mohamed Salleh bin Abdul Kadir.

Beliau telah berkata sa-demi-kian ketika memberi penerangan melalui Radio Brunei pada malam 8 Ogos, 1964 berhubung dengan shur2 bagi perkembangan Perlembagaan Negeri Brunei yang akan di-kemukakan oleh Kerajaan kepada Persidangan Majlis Meshuarat Negeri Brunei pada 26 Ogos, 1964.

Dalam penerangan tersebut, Yang Berhormat Awang Salleh Kadir berkata bahawa persediaan2 bagi mencapai beberapa perubahan penting dalam pemerentahan Negeri Brunei sedang di-jalankan pada masa ini.

"Seperti yang di-nyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam pengumuman-nya baharu2 ini, maka perubahan2 itu akan membuktikan kuasa pemerentahan kepada ra'ayat sa-chara demokrasi mengikut Perlembagaan Negeri", kata beliau.

"Apa-kah perubahan2 dalam pemerentahan yang di-chadangkan?"

Perubahan2 itu pada kasarnya, kata beliau, ia-lah mengenai perwakilan dalam Majlis2 Meshuarat Daerah, Majlis Meshuarat Negeri dan Majlis Meshuarat Kerajaan.

Ra'ayat akan di-beri kemudahan untuk duduk dalam Majlis2 tersebut sa-bagai wakil ra'ayat melalui pilihan raya.

Jangkaan pada masa ini ialah Pilihan Raya Peringkat Daerah akan dapat di-adakan sa-belum hujung tahun ini dan Pilihan Raya Peringkat Negeri pada awal tahun hadapan kelak, kata lagi Yang Berhormat Awang Mohamed Salleh Kadir.

Selanjut-nya Yang Berhormat Awang Salleh Kadir berkata:

PARA PENDENGAR HARUS BERTANYA:

Bagaimana-kah ra'ayat dikatakan mengambil bahagian dalam pemerentahan negeri?

Seperti yang di-terangkan tadi wakil2 ra'ayat akan menduduki kerusi2, Majlis Meshuarat Daerah, Majlis Meshuarat Negeri dan Majlis Meshuarat Kerajaan.

Di-Majlis Meshuarat Daerah wakil2 ra'ayat berpeluang mengemukakan apa jua chadangan untuk kebaikan urusan daerah.

Di-Majlis Meshuarat Negeri pula wakil2 ra'ayat, mithal-nya berhak menhadangkan usul2 untuk di-jadikan Undang2 bagi kebahagiaan negeri, menegor



Y.B. AWANG SALLEH KADIR

perbuatan2 kerajaan dan mengawasi perbelanjaan Kerajaan yang di-bentangkan dalam persidangan kewangan Majlis Meshuarat Negeri bagi kebajikan negeri dan ra'ayat.

Beberapa orang wakil ra'ayat dalam Majlis Meshuarat Negeri pula akan di-jadikan ahli Majlis Meshuarat Kerajaan?

Dalam Majlis Meshuarat Kerajaan wakil2 ra'ayat itu dapatlah bersama2 membawa fikiran untuk di-jadikan dasar pemerentahan.

Bukan perubahan2 yang baharu di-nyatakan itu sahaja yang di-chadangkan untuk di-adakan bagi negeri ini.

Menteri2 yang menjawab jawatan itu kelak akan bertanggung jawab mentadbirkan hal ehwal negeri dan menjalankan dasar2 bagi memperolehi kebaikan masa hadapan negeri dan ra'ayat.

WAKIL2 RA'AYAT

Berapa orang-kah wakil2 ra'ayat akan menduduki kerusi2 Majlis Meshuarat Daerah dan Majlis Meshuarat Negeri?

Bilangan wakil2 ra'ayat dalam Majlis Meshuarat Daerah, ia-itu Brunei, Belait, Tutong dan Temburong akan di-tentukan oleh suatu undang2 yang di-namakan Perintah Perlembagaan (Majlis Meshuarat Daerah dan Negeri) tahun 1962.

Para pendengar sedia maalam wakil2 ra'ayat telah menduduki kerusi2 Majlis2 Meshuarat Daerah dalam tahun 1961.

Mengikut pengalaman yang sudah, bilangan wakil2 ra'ayat dalam Majlis2 itu ada-lah di-

anggap lebih dari yang sesuai. Oleh itu bilangan ahli dalam Majlis2 Meshuarat tersebut harus akan di-kurangkan mengikut pindaan kepada Perintah Perlembagaan (Majlis Meshuarat Daerah dan Negeri) tahun 1962.

Buat langkah pertama bilangan wakil2 ra'ayat dalam Majlis Meshuarat Negeri yang di-pileh sechara langsung oleh ra'ayat telah di-tetapkan 10 orang bagi permulaan dari sa-puluh kawasan pemilihan.

KEJAYAAN

Bilangan ini akan di-gandakan menjadi 20 orang mengikut kejayaan yang di-chapai dalam pentadbiran kerajaan kelak, supaya akhir-nya bilangan wakil ra'ayat dalam Majlis Meshuarat Negeri akan lebih ramai dari bilangan ahli2 kerana jawatan.

Perlu saya tegaskan di-sini, Majlis Meshuarat Negeri yang akan di-bentuk selepas pilihan raya bagi Majlis itu di-adakan pada awal tahun hadapan, akan mengandungi 21 orang ahli, terdiri dari 10 orang ahli yang di-pileh sa-chara langsung oleh ra'ayat dan 6 orang ahli2 kerana jawatan dan 5 orang ahli2 yang di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Majlis Meshuarat Negeri akan di-pengerusikan oleh sa-orang Speaker yang akan merupakan sa-orang bebas dan di-lantek bagi jawatan itu oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Maksud perkembangan perlembagaan negeri ia-lah hendak memberi kuasa pemerentahan kepada ra'ayat sa-tapak demi sa-tapak.

Pada permulaan-nya bilangan ahli2 kerana jawatan dan ahli2 yang di-lantek ada-lah lebih dari bilangan ahli2 yang di-pileh sa-chara langsung oleh ra'ayat.

Keadaan ini akan berubah kepada bilangan ahli2 yang di-pileh itu lebih banyak dari ahli2 kerana jawatan.

PERLEMBAGAAN

Dalam perkembangan perlembagaan yang di-chadangkan sekarang ahli2 yang di-lantek akan di-hapuskan nama sekali. Dan bilangan ahli2 kerana jawatan yang 6 orang itu akan di-kurangkan kepada suatu jumlah yang sahabis kecil yang boleh.

Bila-kah masa-nya bilangan ahli2 yang di-pileh itu akan lebih banyak dari ahli2 kerana jawatan?

Ahli2 yang di-pileh oleh ra'ayat dalam langkah pertama akan menduduki kerusi2 Majlis Meshuarat Negeri sa-lama 5 tahun. Dan tidak lama dari selepas langkah pertama yang memilih 10 orang ahli di-pileh itu maka Majlis Meshuarat Negeri akan di-bentuk sa-mula memandang kepada kejayaan pentadbiran. Apabila sampai masa-nya untuk ra'ayat mendapat per-

wakilan penuh dalam Majlis Meshuarat Negeri, kawasan pemilihan sabanyak 10 kawasan itu akan di-pecahkan supaya menjadi 20 kawasan.

Sama ada tujuan ini dapat di-chapai dalam tempoh 5 tahun setelah Majlis itu di-tubuhkan pada awal tahun hadapan adalah bergantung pada kejayaan pemerentahan dari hasil pilihan raya yang di-buat pada langkah pertama itu.

Tadi saya nyatakan suatu kerajaan berbentuk kementerian ialah antara persediaan2 yang diperbuat sekarang.

Apabila kejayaan2 pentadbiran di-dapati dan apabila pilihan raya bagi ahli2 yang lebih telah di-adakan maka tugas pemerentahan akan di-serahkan kepada menteri2. Mereka itu sa-lain dari menduduki kerusi2 dalam Majlis Meshuarat Negeri, akan juga menduduki kerusi2 Majlis Meshuarat Kerajaan.

Majlis2 Meshuarat Kerajaan di-kenal di-satengah2 negeri dengan nama Cabinet.

Tanggung jawab menteri2 itu ia-lah membuat dan menjalankan dasar2 bagi memperolehi kebaikan masa hadapan negeri dan ra'ayat.

Dalam menjalankan kewajipan-nya menteri2 itu akan bertanggung jawab pula kepada Majlis Meshuarat Negeri dan menerusi Majlis Meshuarat Negeri, menteri2 tersebut bertanggung jawab pula kepada ra'ayat sa-bagai pengundi dalam pilihan2 raya.

Pasar Gembira

Sambutan Hari Jadi

D. Y. M. M.

KAMPONG SI-RAJA MUDA. — Satu temasha Pasar Gembira bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan akan di-adakan di-Bandar Brunei selama tiga hari mulai dari 23 September, 1964.

Temasha tersebut akan di-adakan di-bawah anjuran Persatuan Angkatan Tunas Harapan (PATUH) Brunei, Persatuan Pakatan Putera Kampong Ayer, Persatuan Pemuda Pemudi Tanjong Maya, Badan Kesatuan Tunas Ibunda (BAKTI) Brunei, Persatuan Sang Jati Dusun Brunei, Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Bandar Brunei dan oleh beberapa buah lagi persatuan.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa PATUH akan mengadakan jualan bermacam2 barang termasuk aneka harta karun di-sabuah pulau, aneka jagong, aneka paku dan lain2-nya di-temasha Pasar Gembira tersebut.

KERJA-KERJA KOSONG

Pembantu Makmal

Pemohonan2 ada-lah di-jemput dari chalon2 yang menjadi ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak untuk di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk memenohi jawatan Kosong sebagai Penghantar Saman/Bailip Mahkamah, di-Jabatan Kehakiman, Kuala Belait.

Kelayakkan2 :

Kelayakan yang sehabis rendah bagi jawatan ini ia-lah lulus Form II. Keutamaan akan diberi kepada mereka yang lulus Form III.

Sukatan Gaji :

\$211-220x10-260-280-290x20-330-350-370-380x20-560.

Tugas2 :

Untuk menjaga dan memelihara Makmal dan semua alat2 sains agar berada dalam keadaan terator dan bersekh, menyediakan makmal untuk mengajar, menjaga barang2 dan lain2 tugas sebagaimana yang di-arahkan oleh Guru2 Sains.

Pemohonan2 mesti-lah di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 10 September, 1964.

Pemohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat masing2. Ketua2 di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 ada-lah di-jemput daripada chalon2 yang menjadi ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak untuk di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk memenohi jawatan Kosong sebagai Penghantar Saman/Bailip Mahkamah, di-Jabatan Kehakiman, Kuala Belait.

Kelayakkan2 :

Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah VI dalam Sekolah Melayu dan Darjah IV dalam Sekolah Inggeris.

Pemohon2 yang tidak mempunyai kelayakkan2 yang tersebut, tetapi telah berkhidmat tidak

kurang dari lima tahun di-dalam Perkhidmatan Kerajaan se-bagai Pelayan atau Posman akan juga di-pertimbangkan.

Gaji :

Dalam sukatan gaji \$183x7-211-220x10-260-280-290-300 sabulan.

Pemohonan2 yang mesti di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 31 Ogos, 1964.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-

hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

PENGHANTAR SAMAN

Pemohonan2 ada-lah di-pela-wa dari chalon2 yang menjadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk memenohi satu jawatan Kosong sebagai Penghantar Saman di-Jabatan Hal Ehwal Umma, Brunei.

Chalon yang berjaya akan di-tempatkan di-Pejabat Kadzi Daerah Tutong.

Kelayakkan2 :

(a) Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 17 tahun hingga 25 tahun.

(b) Pemohon2 mesti-lah lulus darjah VII Sekolah Melayu.

Gaji :

Dalam sukatan gaji \$183x7-211-220x10-260-280-290-300.

Pemohonan2 yang mesti di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 1 September, 1964.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pembantu Rumah Sakit

Pemohonan2 ada-lah di-pela-wa daripada chalon2 lelaki yang menjadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk lantekkan sebagai Pembantu Rumah Sakit Dalam Perchubaaan di-Pejabat Perubatan dan Kesehatan Brunei (3 jawatan Kosong).

Kelayakkan2 :

Pemohon2 mesti-lah berumur 18 tahun. Mereka ini mesti-lah lulus sekurang2-nya Form II Sekolah Inggeris, atau kelulusan yang setaraf dengan-nya. Pemohon2 juga di-kehendaki mempunyai sijil sehat tuboh badan.

Sukatan Gaji :

Dalam Perchubaaan—\$211-220-230-240-250-260-280-290-300.

Pembantu Rumah Sakit—Terlateh — \$350-370-380-20-600.

Sharat2 Lantekkan :

Pemohon2 yang di-pileh akan menjalani latehan untuk menjadi Pembantu Rumah Sakit Terlateh

(dengan Sijil Jururawat Terlateh) di-Rumah Sakit Besar Brunei.

Lazim-nya latehan ini memakan masa selama tiga tahun. Setelah tammat latehan sebagai Pembantu Rumah Sakit dan sesudah memperoleh Sijil Jururawat Terlateh, pemohon2 ada-lah berhak di-tetapkan sebagai Pembantu Rumah Sakit Terlateh di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan Kerajaan Brunei.

Pakaian Seragam ada-lah di-beri perchuma dan tempat tinggal akan di-adakan sekira-nya perlu.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 31 Ogos, 1964.

PERLUMBAAN "BIG WALK" DI-TUTONG — 30 OGOS

KERIAM. — Ramai peserta2 lelaki dan perempuan akan mengambil bahagian dalam Perlumbaan Berjalan Kaki Jarak Jauh ("BIG WALK") di-Daerah Tutong pada pagi hari Ahad 30 Ogos, 1964.

Perlumbaan Berjalan Kaki Jarak Jauh itu akan di-langsungkan di-bawah anjoran Persatuan Melayu Keriam, Tutong, mulai pada pukul 7.30 pagi hari tersebut.

Perlumbaan untuk Bahagian Lelaki ia-lah sa-jauh 10 batu.

Perlumbaan untuk Bahagian Wanita pula ia-lah sa-jauh 5 batu.

Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim di-jangka menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam perlumbaan tersebut.

Para peserta di-Bandar Brunei yang berkehendakkan keenderaan di-minta menunggu di-belakang bangunan Pejabat2 Besar Kerajaan tidak lewat dari pukul

6.15 pagi hari tersebut. Bas itu akan menghantarkan para peserta ka-Dewan Persatuan Melayu Keriam.

Persatuan tersebut tidak-lah bertanggung-jawab sa-kira-nya peserta2 dari Bandar Brunei yang berkehendakkan keenderaan tiba lewat dari masa yang ditetapkan di-tempat tersebut.

Peserta2 yang tinggal di-luar kawasan Bandar Brunei yang berkehendakkan keenderaan, ia-lah di-kawasan di-antara Bandar Brunei dan Keriam, di-minta menunggu ketibaan bas tersebut di-tepi2 jalan raya.

Nombor2 akan di-berikan kepada semua peserta sa-belum 25 Ogos, 1964. Peserta2 yang belum menerima nombor2 tersebut sa-lapas 25 Ogos, sila-lah berhubung dengan Setia Usaha Perlumbaan itu, Awang Junaidi bin OKSN Mohd. Safar, d/a Radio Brunei, Bandar Brunei; Awang Abdul Kani bin Md. Said, d/a Maktab Perguruan Melayu Brunei atau pun dengan Awang Mohd. Noor bin Awang Besar, d/a Pejabat Daerah, Tutong.

WAKTU2 SEMBAHYANG, AMSAK DAN MATA-HARI TERBIT

Waktu2 sembahyang, amsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 19 Ogos hingga ka-hari Isnin 31 Ogos, 1964 adalah saperti di-bawah ini :—

Hari	Matahari						
Bulan	Amsak	Suboh	Terbit	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
19	4.42	4.56	6.16	12.28	3.46	6.36	7.47
20	4.42	4.56	6.15	12.28	3.46	6.36	7.47
21	4.42	4.56	6.15	12.27	3.45	6.35	7.46
22	4.42	4.56	6.15	12.27	3.45	6.35	7.46
23	4.42	4.56	6.15	12.27	3.45	6.35	7.46
24	4.42	4.56	6.15	12.27	3.45	6.35	7.46
25	4.42	4.56	6.15	12.27	3.45	6.34	7.45
26	4.42	4.56	6.14	12.26	3.44	6.33	7.44
27	4.42	4.56	6.14	12.26	3.44	6.33	7.44
28	4.42	4.56	6.14	12.26	3.44	6.33	7.44
29	4.42	4.56	6.14	12.25	3.42	6.32	7.43
30	4.42	4.56	6.14	12.25	3.42	6.32	7.43
31	4.42	4.56	6.14	12.25	3.42	6.32	7.43

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan Kuala Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

PERLAWANAN SEPAK RAGA JARING SAMBUTAN HARI JADI D.Y.M.M. SRJIP Dan BOMBA Belum Dapat "Mengibarkan Bendera Putih"

BANDAR BRUNEI. — Perlindungan Sepak Raga Jaring bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, di-bawah anjuran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, telah berjalan dengan baik semenjak 31 Julai, 1964. Perlindungan tersebut di-adakan di-Gelanggang Kelab Tennis Brunei dan ramai penggemar2 permainan Sepak Raga Jaring dari berbagai2 bangsa telah menyaksikan perlindungan itu.

Hingga ka-petang hari Juma'at 14 Ogos, Pasokan Sepak Raga Jaring Ikatan Pemuda (SRJIP) dan Pasokan Perkhidmatan Bomba belum-lah lagi dapat "mengibarkan BENDIRA PUTEH" — ia-itu sebagai tanda kekalahan.

Hingga ka-petang hari tersebut, Pasokan SRJIP mendapat mata yang tinggi sekali dalam perlindungan Pasokan "A" dan Pasokan Bomba mendapat mata yang tinggi sekali dalam perlindungan Pasokan "B".

Jadual perlindungan2 Pasokan "A" mulai dari 20 Ogos hingga ka-27 Ogos dan jadual perlindungan2 Pasokan "B" mulai dari 20 Ogos hingga ka-30 Ogos ada-lah di-siarkan di-bawah ini:

PASOKAN A							
PASOKAN	MELAWAN	PASOKAN	TARIKH	MASA	PENGADIL	PENJAGA TERAS	PENJAGA G. TEPI
PULIS	"	PGGMB	20 Ogos	4.30 ptg.	Sgt. A. Bakar	Wakil LETRIK	Wakil BOMBA
LETRIK	"	BOMBA	"	4.55 ptg.	Ak. Ahmad	" PULIS	" PGGMB
BAKTI	"	SPKS	"	5.20 ptg.	Salam Razak	" MPMB	" PERUBATAN
PERUBATAN	"	MPMB	"	5.45 ptg.	Latif H.I.	" BAKTI	" SPKS
AMB	"	PULIS	21 Ogos	4.30 ptg.	Pg. Md. Badar	Wakil BOMBA	Wakil MPMB
MPMB	"	BOMBA	"	4.55 ptg.	Ak. Daud	" AMB	" PULIS
KUBU	"	LETRIK	"	5.20 ptg.	Cpl. Yussof	" SOAS	" PGGMB
SOAS	"	PGGMB	"	5.45 ptg.	Cpl. Norsah	" KUBU	" LETRIK
PERUBATAN	"	AMB	22 Ogos	4.30 ptg.	Ak. Ahmad	Wakil BAKTI	Wakil KUBU
BAKTI	"	KUBU	"	4.55 ptg.	Abdullah M.	" AMB	" PERUBATAN
SPKS	"	PGGMB	"	5.20 ptg.	Salam Razak	" SRJIP	" LETRIK
SRJIP	"	LETRIK	"	5.45 ptg.	Latif H.I.	" PGGMB	" SPKS
BAKTI	"	PULIS	23 Ogos	4.30 ptg.	Cpl. Norsah	Wakil PGGMB	Wakil SRJIP
PGGMB	"	SRJIP	"	4.55 ptg.	Cpl. Yussof	" BAKTI	" PULIS
PERUBATAN	"	SOAS	"	5.20 ptg.	Cpl. Alias	" SPKS	" MPMB
SPKS	"	MPMB	"	5.45 ptg.	Sgt. A. Bakar	" AMB	" KUBU
AMB	"	KUBU	"	6.10 ptg.	Pg. Md. Badar	" SOAS	" PERUBATAN
BOMBA	"	SPKS	27 Ogos	4.30 ptg.	Latif H.I.	Wakil LETRIK	Wakil PGGMB
LETRIK	"	PGGMB	"	4.55 ptg.	Cpl. Norsah	" BOMBA	" SPKS
BAKTI	"	PERUBATAN	"	5.20 ptg.	Cpl. Yussof	" SOAS	" MPMB
SOAS	"	MPMB	"	5.45 ptg.	Pg. Md. Badar	" BAKTI	" PERUBATAN

PASOKAN B							
PASOKAN	MELAWAN	PASOKAN	TARIKH	MASA	PENGADIL	PENJAGA TERAS	PENJAGA G. TEPI
KUBU	"	SPKS	20 Ogos	4.30 ptg.	Ahmad M.B.	Wakil PULIS	Wakil MPMB
PULIS	"	MPMB	"	4.55 ptg.	Sharbini M.T.	" KUBU	" SPKS
LETRIK	"	SOAS	"	5.20 ptg.	Daud Ismail	" PERUBATAN	" BAKTI
BAKTI	"	PERUBATAN	"	5.45 ptg.	Ak. Kamaluddin P.B.	" LETRIK	" SOAS
IPLB	"	BOMBA	21 Ogos	4.30 ptg.	Hadi Kamis	Wakil KUBU	Wakil LETRIK
KUBU	"	LETRIK	"	4.55 ptg.	Emran M.H.	" IPLB	" BOMBA
SOAS	"	SRJIP	"	5.20 ptg.	Takong M.S.	" BAKTI	" MPMB
PULIS	"	PGGMB	"	5.45 ptg.	Ahmad H.Y.	" SOAS	" SRJIP
BAKTI	"	MPMB	"	6.10 ptg.	Ak. Kamaluddin P.B.	" PULIS	" PGGMB
AMB	"	SPKS	22 Ogos	4.30 ptg.	Sharbini M.T.	Wakil PERUBATAN	Wakil LETRIK
PERUBATAN	"	LETRIK	"	4.55 ptg.	Daud Ismail	" SPKS	" AMB
KUBU	"	BAKTI	"	5.20 ptg.	Ahmad M.B.	" PULIS	" IPLB
IPLB	"	PULIS	"	5.45 ptg.	Ahmad H.Y.	" KUBU	" BAKTI
SRJIP	"	PGGMB	23 Ogos	4.30 ptg.	Pulau Teruddin	Wakil SPKS	Wakil PERUBATAN
SPKS	"	PERUBATAN	"	4.55 ptg.	Md. Zain Ghani	" SRJIP	" PGGMB
AMB	"	LETRIK	"	5.20 ptg.	Emran Hassan	" BOMBA	" SOAS
BAKTI	"	IPLB	"	5.45 ptg.	Ahmad M.B.	" AMB	" LETRIK
BOMBA	"	SOAS	"	6.10 ptg.	Takong M.S.	" BAKTI	" IPLB
SRJIP	"	MPMB	27 Ogos	4.30 ptg.	Hadi Kamis	Wakil PULIS	Wakil BAKTI
PULIS	"	BAKTI	"	4.55 ptg.	Daud Ismail	" SRJIP	" MPMB
PGGMB	"	KUBU	"	5.20 ptg.	Ahmad H.Y.	" SPKS	" SOAS
SPKS	"	SOAS	"	5.45 ptg.	Emran Hassan	" PGGMB	" KUBU
AMB	"	KUBU	28 Ogos	4.30 ptg.	Pulau Teruddin	Wakil MPMB	Wakil LETRIK
MPMB	"	LETRIK	"	4.55 ptg.	Ak. Kamaluddin P.B.	" AMB	" KUBU
BOMBA	"	PERUBATAN	"	5.20 ptg.	Takong M.S.	" SRJIP	" PULIS
IPLB	"	SPKS	"	5.45 ptg.	Ahmad H.Y.	" BOMBA	" PERUBATAN
SRJIP	"	PULIS	"	6.10 ptg.	Md. Zain Ghani	" IPLB	" SPKS
KUBU	"	SRJIP	29 Ogos	4.30 ptg.	Sharbini M.T.	Wakil PULIS	Wakil BOMBA
PULIS	"	BOMBA	"	4.55 ptg.	Daud Ismail	" SRJIP	" KUBU
LETRIK	"	SPKS	"	5.20 ptg.	Takong M.S.	" PGGMB	" BAKTI
PGGMB	"	BAKTI	"	5.45 ptg.	Ahmad M.B.	" LETRIK	" SPKS
MPMB	"	AMB	30 Ogos	4.30 ptg.	Sharbini M.T.	Wakil BOMBA	Wakil PGGMB
BOMBA	"	PGGMB	"	5.45 ptg.	Daud Ismail	" MPMB	" AMB

HOKI: M.P.M.B. MENANG LAGI

BANDAR BRUNEI. — Maktab Perguruan Melayu Brunei telah berjaya memenangi gelaran Johan dalam Perlindungan Hoki terbuka antara Maktab2 dan Sekolah2 di-Negeri Brunei bagi tahun 1964, sa-telah M.P.M.B. mengalahkan Maktab Anthony Abell, Seria dengan 3 gol berbalas 1 dalam perlindungan akhir di-Padang Sekolah Melayu S.M.J.A. baharu2 ini.

Semua-nya empat pasokan telah mengambil bahagian dalam perlindungan tersebut, ia-itu Maktab Perguruan Melayu Brunei, Maktab Anthony

Abell, Seria; Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan Pasokan Champoran Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei.

Dalam Perlindungan Sa-paroh Akhir, Maktab Perguruan Melayu Brunei telah mengalahkan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dengan 1 gol tidak berbalas dan dalam lagi satu Perlindungan Sa-paroh Akhir, Maktab Anthony Abell telah mengalahkan Pasokan Champoran Sekolah Melayu Sa-Negeri Brunei dengan 2 gol tidak berbalas.



Gambar ini telah di-ambil di-Padang Sekolah Melayu S.M.J.A. baharu2 ini sa-belum di-langsungkan Perlindungan Akhir Hoki Maktab2 dan Sekolah2 Sa-Negeri Brunei antara Pasokan2 Maktab Perguruan Melayu Brunei dan Maktab Anthony Abell. Dalam perlindungan itu Pasokan M.P.M.B. telah mengalahkan Pasokan A.A.C. dengan 3 gol berbalas 1.

Timbalan Menteri Besar Letak Batu Asas Bangunan Madrasah Brunei

BANDAR BRUNEI. — Satu istiadat meletakkan batu asas Bangunan Madrasah Brunei oleh Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud telah di-adakan di-Bandar Brunei berhamiran dengan Masjid Omar Ali Saifuddin pada pagi hari Khamis 13 Ogos, 1964.

Bangunan itu di-taksir memakan belanja kira2 \$700,000 dan



Y.B. PENGIRAN DATO SERI PADUKA HJ. ALI

akan siap di-bena kira2 8 bulan lagi.

PERSIDANGAN MAJLIS MESHUARAT NEGERI

BANDAR BRUNEI. — Persidangan Majlis Meshuarat Negeri Brunei yang pertama dari Musim Permeshuaratan yang kelima akan di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada hari Rabu 26 Ogos, 1964 mulai dari pukul 9 pagi.

Orang ramai yang ingin menyaksikan Persidangan Majlis Meshuarat Negeri pada hari dan masa yang tersebut, hendaklah terlebih dahulu meminta Surat2 Kebenaran dari Jurutulis, Majlis Meshuarat Negeri Brunei, d/a Jabatan Majlis2 Meshuarat, Bandar Brunei.

BALAI RAYA SIAP DI-BENA

BUKIT SAWAT, ULU BELAIT. — Sa-buah "balai raya" yang julong2 kali di-bena di-sebarang tempat di-pendalaman negeri ini telah siap di-bena di-sini beberapa hari yang lepas, demikian sa-orang juruchakap Pejabat Daerah Belait mengumumkan minggu ini.

Balai itu kata-nya, telah memakan belanja sa-banyak \$8,000 dan boleh memuat kira2 200 orang untuk mengadakan berbagai2 perjumpaan atau mesuarat.

Sa-buah bilek untuk di-gunakan sebagai pejabat penghulu kampung di-sana terdapat di-bangunan tersebut.

Sementara itu sa-buah lagi balai samikian ada-lah sedang dalam pembinaan di-Kampung Kuala Balai, juga di-Ulu Belait. Ini di-jangka akan siap di-bena dalam penghujung bulan ini.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali; Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, Y.A.M. Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin dan Pemangku Pesuruh Jaya Kemajuan Negara, Brunei, Awang John Lee.

Antara yang hadir di-majlis tersebut ia-lah Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Kerajaan Inggeris di-Brunei, Awang E.O. Laird; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha; Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun; Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh; Ahli2 Majlis2 Mashuarat; Ketua2 Pejabat; para pembesar negara dan lain2-nya.

Majlis itu di-akhiri dengan bacahan do'a selamat oleh Mufti Kerajaan Brunei, Sahibul Fadhi-lah Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali kelihatan dalam gambar di-muka ini memberi ucapan di-majlis yang bersejarah itu.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah berchemar duli ka-beberapa tempat di-Daerah Temburong dengan menaiki sa-buah helikopter baharu2 ini. Dalam gambar ini kelihatan sa-orang kaum ibu menziarahi Baginda pada masa Baginda berchemar duli ka-Temburong.

Pertandingan "Bintang Keputeraan" Bagi Menyambut Hari Jadi D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Buat julong2 kali sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia tahun ini akan mengadakan peraduan "Bintang Keputeraan" dan peraduan demikian akan di-adakan terus pada masa2 hadapan.

Satu jawatan kuasa telah pun dibentuk dan perhubungan2 bagi orang2 yang akan mengambil bahagian untuk merebut gelaran Bintang Keputeraan bahagian lelaki dan perempuan boleh-lah di-buat kepada Pengerusi Jawatan Kuasa Bintang Keputeraan, di-alamat Pejabat Marine Workshop, Bandar Brunei, atau di-alamat Radio Brunei, Bandar Brunei.

Peraduan tersebut akan di-bahagikan kepada empat bahagian —

orang2 dewasa lelaki dan perempuan, dan kanak2 lelaki dan perempuan.

Dua hadiah rebutan tahunan akan di-berikan kepada pemenang2 dewasa lelaki dan perempuan yang menjadi johan dalam bahagian masing2 salain dari hadiah2 yang lain-nya.

Pemilihan2 untuk memasuki pertandingan terakhir akan di-adakan awal bulan hadapan dan dari itu pemohon2 hendaklah mendaftarkan nama dari sekarang.

Bintang2 dan naib bintang2 radio tidak akan di-terima memasuki peraduan tersebut, tetapi mereka akan di-jemput untuk mempersembahkan nyanyian2 merdu pilihan mereka sendiri.

SOKAN DAN

LUMBA BASIKAL

BANDAR BRUNEI. — Sokan darat bagi menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia akan di-adakan di-Padang SMJA, Bandar Brunei, pada 23 September, 1964.

Ahli2 sokan persekutuan, sekolah2, pasukan, dan mau pun persaorangan yang akan mengambil bahagian boleh-lah berhubung sama ada dengan Awang Mohamed Husain bin Zainal, d/a Pejabat Pelajaran, Bandar Brunei, atau Awang M.V. Singham di-alamat Sharikat Minyak Shell, Seria.

Bagi ahli2 sokan yang akan mengambil bahagian dalam lumba basikal boleh-lah berhubung dengan Awang S. Palaniyandi di-alamat Pejabat Elektrik, Bandar Brunei.

PERARAKAN DARAT

BANDAR BRUNEI. — Satu Peraduan Perarakan Darat akan di-adakan di-Bandar Brunei bagi menyambut Hari Ulangtahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan pada 23 September akan datang.

Peraduan tersebut di-bahagikan kepada 2 Bahagian ia-itu:

(a) Perarakan Kereta/Basikal Berhias (Siang dan Malam) bagi orang2 kampung, Persatuan2, Gudang2 Perniagaan dan Pejabat2

(b) Perarakan Tanglong Berjalan Kaki bagi murid2 sekolah, Maktab Perguruan, Per-

satuan2, Kampung2 dan Pejabat2.

Pasokan2 yang ingin mengambil bahagian di-dalam peraduan2 tersebut sila-lah berhubung dengan pengerusi; Perarakan Kereta Berhias (Siang dan Malam), Pejabat Kemajuan Brunei atau Pengerusi Perarakan Tanglong Berjalan Kaki d/a Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Keinderaan2 akan di-sediakan oleh Jawatan Kuasa bahagian tersebut untuk murid2 sekolah yang tinggal di-kawasan lebeh dari 3 batu jarak-nya dari Bandar Brunei.

PERADUAN "TWIST" DI-BANDAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Satu peraduan tarian "twist", sa-bagai salah satu acara sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia tahun ini, akan di-adakan di-Panggung Boon Pang Baharu di-sini pada 6 September, 1964.

Sa-orang juruchakap Jawatan Kuasa Twist memberitahu, sa-lepas peraduan tersebut di-adakan satu

pertunjukan wayang gambar cherita "Prisoner of the Volger" akan di-tayangkan. Tiket untuk masuk ia-lah \$1.50 dan \$1.00.

Juruchakap itu berkata hasil kutipan dari jualan tiket2 tersebut akan di-dermakan kepada tabung derma perayaan terma'alum.

Orang2 yang ingin mengambil bahagian dalam peraduan tersebut boleh-lah mendapatkan borang2 masuk

bertanding sama ada dari Awang Chua Kong Heng di-alamat Sharikat Minyak Shell, Bandar Brunei, atau Awangku Haji Mohammad di-alamat Pejabat Keinderaan Darat, Bandar Brunei, atau daripada Pengurus Panggong Boon Pang Baharu, Bandar Brunei.

Borang2 tersebut hendaklah di-kembalikan kepada salah sa-orang nama di-atas tidak lewat dari 2 September, 1964.